

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang 1992/93

Oktober/November 1992

EMU 212 - Jurutera Dalam Masyarakat I

Masa: [3 jam]

ARAHAN KEPADA CALON:

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi TIGA (3) soalan dan SEMBILAN (9) muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab SEMUA soalan.

Semua soalan mestilah dijawab dalam bahasa Malaysia.

1. Jawab DUA soalan sahaja. Sila jawab dalam 150 perkataan dengan memberi nota penting dan huraian ringkas sahaja.
- [a] Wawasan 2020 diuruskan dari beberapa rancangan awal. Apakah rancangan-rancangan tersebut yang berkait rapat dengan profesion kejuruteraan?
(50 markah)
- [b] Terangkan lima (5) perkara yang boleh membuat seorang pengurus itu cemerlang.
(50 markah)
- [c] Bincangkan tentang ciri-ciri yang menunjukkan keprofesionalan sesuatu profesion.
(50 markah)
2. Jawab SEMUA soalan.
- [a] Senaraikan 5 prinsip perancangan.
(5 markah)
- [b] Nyatakan ciri-ciri strategi.
(5 markah)
- [c] Kaedah pengawalan ada empat. Senaraikan.
(4 markah)
- [d] Berikan 3 rintangan dalaman perancangan.
(3 markah)
- [e] Apakah sumber-sumber kuasa?
(5 markah)
- [f] Senaraikan langkah-langkah perancangan.
(4 markah)
- [g] Apakah rancangan operasi?
(10 markah)
- [h] Berikan empat gaya kepemimpinan.
(4 markah)
- [i] Nyatakan ciri-ciri perancangan strategi.
(5 markah)
- ..3/-

- [j] Berikan lima proses menyusun organisasi. (5 markah)
- [k] Senaraikan lima industri yang dipentingkan dalam IMP. (5 markah)
- [l] Nyatakan lima fungsi Lembaga Jurutera Malaysia. (5 markah)
- [m] Sebutkan kepemimpinan mengikut Likert. (4 markah)
- [n] Bezakan antara kuasa dan autoriti. (6 markah)
- [o] Pelan Bertindak Kebangsaan Pembangunan Teknologi Industri menekankan empat bidang penyelidikan. Senaraikan bidang-bidang tersebut. (4 markah)
- [p] Berikan kebaikan dan keburukan "kuasa". (6 markah)
- [q] Nyatakan kenapa kawalan diperlukan. (4 markah)
- [r] Apakah prinsip-prinsip umum rekabentuk proses pengawalan? (5 markah)
- [s] Berikan hirarki model dorongan Maslow. (5 markah)
- [t] Berikan empat penentu kepada pengujudan struktur organisasi. (6 markah)
3. Jawab SEMUA soalan. Setiap soalan diberi 2 markah. Tetapi setiap jawapan yang salah dipotong 1 markah. Bagi soalan 1-30 jawab BETUL atau SALAH. Bagi soalan 31-50 pilih jawapan yang betul.
- [1] Akta Pendaftaran Jurutera 1967 telah digubal bagi menjaga kepentingan kerajaan.
- [2] James Watt telah mencipta penjana stim.

- [3] Industri biokimia adalah industri terpilih di bawah IMP.
- [4] Institut Jurutera Malaysia ditubuhkan oleh kerajaan.
- [5] Wawasan 2020 adalah rentetan Dasar Pandang ke Timur.
- [6] Penentuan punca masalah merupakan langkah penyelesaian masalah yang terpenting.
- [7] Mencapai taraf negara industri bari (NIC) pada tahun 2000 merupakan tujuan Dasar Pembangunan Kebangsaan (NDP).
- [8] Jumlah jurutera berdaftar di Malaysia pada tahun 1990 melebihi 10,000 orang.
- [9] Syarikat Perunding Kejuruteraan boleh menerima seorang sasterawan sebagai ahli Lembaganya.
- [10] Ahmad, seorang jurutera kepada Syarikat X, telah menerima hadiah dari pelanggan syarikatnya pada hari lahir anak sulungnya. Tindakan itu dikecam oleh kawan sekerja kerana dikatakan salah dari sudut tata kelakuan profesionalnya. Bagaimana dengan sikap kawannya?
- [11] Lembaga Jurutera Malaysia dipengerusikan oleh Menteri Kerja Raya.
- [12] Seseorang Jurutera Profesional dalam amalan persendirian boleh membuat perkongsian profesional dengan mana-mana orang selain daripada seorang jurutera profesional dalam amalan persendirian, seorang arkitek berdaftar, seorang Juruukur Bahan berdaftar atau seorang Juruukur Tanah berlesen.
- [13] Industri petrokimia berkembang pesat selepas peperangan dunia pertama dalam tahun 1920-30an.
- [14] PETRONAS ditubuhkan di bawah Akta Pembangunan Petroleum 1964.
- [15] Pendaftar Lembaga Jurutera Malaysia adalah setiausaha LJM itu sendiri.

- [16] Seorang Jurutera berdaftar tidak boleh menerima apa-apa saraan dari pihak lain kecuali dibenarkan oleh LJM.
- [17] Persyarikatan Malaysia bertujuan menswastakan operasi/agensi kerajaan.
- [18] Seorang jurutera profesional tidak dibenarkan mengiklan perkhidmatannya.
- [19] Kaedah kejuruteraan mendekati masalah ialah melalui suatu sistem dan sains logik dan rasional tanpa mengambil kira daya fikir yang kreatif.
- [20] Ciri jurutera berdaya maju, di antara lain, ialah seorang yang sentiasa bekerja bersendirian dengan tekun.
- [21] Di antara ciri-ciri suatu profesion ialah mempunyai status perundangan dan standard keahlian yang jelas.
- [22] Lembaga Jurutera Malaysia sebenarnya ditubuhkan bagi menjadi pengawas tata kelakuan jurutera lebih dari memberi perhatian kepada kepentingan awam.
- [23] Kawalan berkesan memerlukan perancangan yang jelas.
- [24] Pengurusan peringkat atasan banyak kerja analitis.
- [25] Imhotep yang membina Piramid adalah anak Firaun.
- [26] Seorang yang berkuasa sudah tentu mempunyai autoriti.
- [27] Belanjawan syarikat boleh menjadi alat kawalan kepada keberkesanan barisan pemasangan dalam kilang.
- [28] Strategi boleh ditakrifkan dari dua perspektif iaitu dalaman dan luaran.
- [29] Pemimpin juga seorang ketua.
- [30] Nilai syarikat atau organisasi dan tanggungjawab sosial memainkan peranan dalam merumuskan strategi.

- [31] Organisasi diperlukan kerana berikut KECUALI
- A. menyediakan kerjaya
 - B. merumus strategi
 - C. menjayakan matlamat
 - D. memelihara ilmu
- [32] Berikut adalah teori-teori dorongan KECUALI
- A. Teori Pengasuhan
 - B. Teori Proses
 - C. Teori Kandungan
 - D. Teori Pengukuhan
- [33] Berikan teknik-teknik pengubahsuaian kelakuan dari pilihan berikut:
- i. Pengukuhan positif
 - ii. Belajar mengelak
 - iii. Memupuskan tabiat
 - iv. Hukuman
- A. i,ii,iii
 - B. i,iii,iv
 - C. i,ii,iv
 - D. semua
- [34] Salah satu perkara yang perlu ditimbangkan untuk membentuk sistem kawalan ialah
- A. masa
 - B. sumber manusia dan benda
 - C. keanjalan
 - D. saiz organisasi
- [35] Kaedah kawalan pratindakan bermaksud sebelum tindakan dibuat perlu
- A. diadakan matlamat kawalan
 - B. membuat peruntukan sumber
 - C. menggaris strategi aktiviti
 - D. menyusun struktur organisasi

- [36] Berikut adalah batasan-batasan model dorongan KECUALI
- A. Penentuan sikap dan perangai manusia hanya boleh dilakukan secara andaian sahaja
 - B. Bukan semua manusia menganggap kerja sebagai tumpuan hidup
 - C. Tingkah laku manusia berpunca dari pelbagai sumber
 - D. Sesuatu perkara itu memberi maksud yang berbeza kepada semua pihak
- [37] Pendekatan dua faktor Herzberg ialah faktor pendorong dan faktor
- A. persekitaran
 - B. tanggungjawab
 - C. imbuhan
 - D. penyelenggaraan
- [38] Mengikut grid Blake dan Mouton, gaya pengurusan yang paling baik ialah
- A. 1,9
 - B. 5,5
 - C. 9,1
 - D. 1,1
- [39] Pilih dari berikut kenyataan yang BETUL bagi pemimpin yang berkesan.
- A. Pengharapan dan kelakuan orang atasan.
 - B. Ruang masa untuk bertindak.
 - C. Matlamat organisasi dan individu sama.
 - D. Kemahiran yang ada pada subordinat.
- [40] Pilih konsep yang menunjukkan gaya kepemimpinan sosial.
- A. Merancang, mengelola dan bergiat melalui struktur organisasi
 - B. Berorientasikan pekerja
 - C. Berorientasikan hasil pengeluaran pekerja
 - D. Berorientasikan tugas pekerja.

- [41] Gaya kepemimpinan yang demokratik ditunjukkan dalam petak _____ grid Blake dan Mouton.
- A. 1,9
 - B. 9,1
 - C. 5,5
 - D. 9,9
- [42] Penugasan penting bagi meringankan beban seorang pengurus. Tetapi ada halangan kepada penugasan ini. Apakah satu dari halangan itu?
- A. Keengganan pekerja memberi penugasan.
 - B. Keengganan pengurus menerima penugasan.
 - C. Keengganan organisasi menyediakan ruang penugasan.
 - D. Keengganan pengurus melakukan penugasan..
- [43] Tindakan yang mampu menyebabkan perubahan tingkah laku seseorang ialah
- A. Autoriti
 - B. Kuasa
 - C. Motivasi
 - D. Pengaruh
- [44] Pilih di antara berikut yang BUKAN kelebihan carta organisasi
- A. Memberi kelancaran prestasi anggota organisasi.
 - B. Memberi gambaran struktur organisasi.
 - C. Memberi arah kepada masalah
 - D. Memberi gambaran di mana kelemahan organisasi
- [45] Berikut adalah proses pengorganisasian KECUALI
- A. Penyeragaman kerja
 - B. Pengkhususan aktiviti
 - C. Penggabungan aktiviti
 - D. Penyelarasan kerja
- [46] Salah satu dari berikut bukan peringkat pengubalan strategi.
- A. Peringkat Korporat
 - B. Peringkat Unit
 - C. Peringkat Pengurus
 - D. Peringkat fungsi

- [47] Perancangan strategik ialah proses perancangan jarak jauh yang formal yang digunakan untuk
- A. menggariskan jalan menentukan matlamat
 - B. mentakrif dan mencapai matlamat
 - C. mentakrif dan mengatur struktur
 - D. menyediakan rangka kerja dan tanggungjawab unit
- [48] Berikut adalah rancangan guna tunggal KECUALI
- A. program
 - B. peraturan
 - C. projek
 - D. belanjawan
- [49] Tanggungjawab perancangan berbeza mengikut perkara-perkara berikut KECUALI
- A. saiz organisasi
 - B. keanjalan organisasi
 - C. fungsi khusus pengurus
 - D. tujuan organisasi
- [50] Seorang pengurus diberi gambaran berikut jika ia bertindak sebagai wakil jabatan.
- A. Ahli politik
 - B. Simbol
 - C. Orang tengah
 - D. Diplomat

(100 markah)

ooo0ooo